

JABATAN KERJA RAYA

LAMPIRAN A

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf /Jenis Syarikat	Gred, Kategori & Pengkhususan / Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil / Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (Bahagian Keselamatan), Ibu Pejabat JKR Malaysia	BANGUNAN BARU IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) JELI, KELANTAN	BUMIPUTERA A2	i) Berdaftar dengan CIDB Gred G7, BO1 & BO4 ii) Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) atau PUKONSA Kelas A, Tajuk II Tajuk Kecil 2(b) & 4 atau UPKJ Kelas A, Kepala II Sub Kepala 2(a) & 2(b) iii) Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah <i>*Sila bawa sijil ASAL & cop syarikat beralamat semasa sesi taklimat tender & lawatan tapak .</i>	Caw. Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat Bawah, Blok A, Kem. Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur. Tarikh Dokumen Dijual: 13 September 2018 (Khamis) Hingga 27 September 2018 (Khamis)	RM 460.00 Akauntan Negara Malaysia-KKR-T	Caw. Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat Bawah, Blok A, Kem. Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur. Tarikh Tutup Tender: 4 Oktober 2018 (Khamis) Waktu: 12.00 tengahari
Taklimat projek dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN . Berkumpul di Bilik Gerakan, Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, 17600 Jeli, Kelantan pada 6 September 2018 (Khamis), Jam 10.00 Pagi.						

Bagi Lawatan Tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, **hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor / syarikat tidak boleh** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Akauntan Negara Malaysia-KKR-T. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh **Bahagian Pembangunan Usahawan** (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)

*Jenis Pendaftaran :

T1 – Syarikat 100% milik tempatan.

A1 – Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.

A2 – Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.